



NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF TERENGGANU DARUL IMAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 57

1hb Julai 2004

No. 14

No. 501.

UNDANG-UNDANG DARJAH KEBESARAN
MAHKOTA TERENGGANU
YANG AMAT DIHORMATI
(Tr. P.U. 20/62)

(Mohor Negeri)

Sultan Terengganu

DENGAN nama ALLAH, Yang Amat Pemurah Lagi Amat Mengasihani, Segala Pujian bagi ALLAH, Tuhan Seru Sekalian Alam, Rahmat dan Kesejahteraan ALLAH ke atas Penghulu Kami Nabi Muhammad, Keluarganya dan Sahabatnya.

BAHAWASANYA, BETA, menurut Undang-undang 29, Undang-Undang Darjah Kebesaran Mahkota Terengganu Yang Amat Dihormati (Tr. P.U. 20/62) (selepas dari ini disebut "Undang-undang tersebut") telah khas kepada diri BETA, Bakal-bakal dan Waris-waris Ganti BETA, kuasa penuh berkenaan dengan membatal, mengubah, menambah, mentafsir atau tidak memakai mengubah akan undang-undang tersebut atau mana-mana bahagian daripadanya dengan jalan pengisytiharan yang ditandatangani oleh BETA atau Mereka itu.

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa-kuasa BETA yang terkandung di bawah Undang-undang 29 Undang-undang tersebut, BETA, AL-WATHIQU BILLAH AL-SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN, Darjah Utama Kerabat Terengganu Yang Amat Mulia (D.K.T.), Darjah Kerabat Diraja Terengganu Yang Amat Mulia (D.K.R.), Darjah Utama Seri Mahkota Negara (D.M.N.), Darjah Seri Setia Sultan Mizan Zainal Abidin Terengganu Yang Amat Terpilih (S.S.M.Z.), Darjah Seri Setia Sultan Mahmud Terengganu Yang Amat Terpuji (S.S.M.T.), Darjah Seri Paduka Mahkota Terengganu Yang Amat Dihormati (S.P.M.T.), Darjah Kerabat Baginda Syed Putra Perlis (D.K. (Perlis)), Darjah Kerabat Johor Yang Amat Dihormati (D.K. (Johor)), Darjah Kerabat Mahkota Brunei (D.K.M.B. (Brunei)), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Perak (D.K. (Perak)), Darjah Kerabat Negeri Sembilan Yang Amat Dihormati (D.K. (Negeri Sembilan)), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Kedah (D.K. (Kedah)), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Kelantan (D.K. (Kelantan)), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Selangor (D.K. (Selangor)), Darjah Seri Paduka Mahkota Johor (S.P.M.J.), IBNI AL-MARHUM SULTAN MAHMUD AL-MUKTAFI BILLAH SHAH, Sultan dan Yang Dipertuan bagi Negeri Terengganu Darul Iman serta segala Jajahan Takluknya, dengan ini meminda Undang-undang tersebut seperti berikut:

Dalam undang-undang 6, dengan menggantikan angka-angka “100”, “175” dan “250” masing-masing dengan angka-angka “250”, “300” dan “350”.

Mudah-mudahan ALLAH, segala Puji adalah bagi-Nya dan bagi-Nya nama yang Mulia dan Tertinggi, Raja bagi sekalian Raja, mencucuri Kurnia-Nya dan mudah-mudahan Nabi Muhammad (segala rahmat dan kesejahteraan ALLAH ke atasnya) memberkati akan undang-undang tersebut selama-lamanya.

AMIN: Ya Allah Seru Sekalian Alam.

Termaktub di Istana Beta, Istana Badariah, Kuala Terengganu pada 30 haribulan Rabiulawal, Tahun Hijrah, seribu empat ratus dua puluh lima (1425) bersamaan dengan 20 haribulan Mei, tahun dua ribu empat (2004).

[S.T.(S) 1/5/4 Bhg. 1; SUK.Tr. 150/6 Bhg. 2; PUN.Tr.(S) 22/18]

Dengan Titah Perintah Duli Yang Maha Mulia,

TENGKU BENTARA RAJA
Setiausaha
*Jumaah Pangkuan Negeri
Terengganu*

**STATUTES OF THE HONOURABLE ORDER OF
THE CROWN OF TERENGGANU
YANG AMAT DIHORMATI**
(Tr. L.N. 20/62)

(State Seal)

Sultan of Terengganu

IN the name of ALLAH, the Compassionate, the Merciful, PRAISE be to ALLAH, the Lord of Universe, and may the Benediction and Peace of ALLAH be upon OUR Leader Muhammad and upon all His Relations and Friends.

WHEREAS WE HAVE, by statute 29 of the Statute of the Honourable Order of the Crown of Terengganu Yang Amat Dihormati (*Tr. L.N. 20/62*) (hereinafter referred to as “the Statutes”) reserved to Ourselves, Our Heirs or Successors, full power of annulling, altering, augmenting, interpreting or dispending with these Statutes or any part thereof by a notification and signed by Us or Them.

NOW, THEREFORE, in exercise of Our powers under statute 29 of the Statutes, WE, AL-WATHIQU BILLAH AL-SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN, Darjah Utama Kerabat Terengganu Yang Amat Mulia (D.K.T.), Darjah Kerabat Diraja Terengganu Yang Amat Mulia (D.K.R.), Darjah Utama Seri Mahkota Negara (D.M.N.), Darjah Seri Setia Sultan Mizan Zainal Abidin Terengganu Yang Amat Terpilih (S.S.M.Z.), Darjah Seri Setia Sultan Mahmud Terengganu Yang Amat Terpuji (S.S.M.T.), Darjah Seri Paduka Mahkota Terengganu Yang Amat Dihormati (S.P.M.T.), Darjah Kerabat Baginda Syed Putra Perlis (D.K. (Perlis)), Darjah Kerabat Johor Yang Amat Dihormati (D.K. (Johor)), Darjah Kerabat Mahkota Brunei (D.K.M.B. (Brunei)), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Perak (D.K. (Perak)), Darjah Kerabat Negeri Sembilan Yang Amat Dihormati (D.K. (Negeri Sembilan)), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Kedah (D.K. (Kedah)), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Kelantan (D.K. (Kelantan)), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Selangor (D.K. (Selangor)), Darjah Seri Paduka Mahkota Johor (S.P.M.J.), IBNI AL-MARHUM SULTAN MAHMUD AL-MUKTAFI BILLAH SHAH, Sultan and Sovereign Ruler of the State and Territory of Terengganu Darul Iman and all its Dependencies, do hereby alter the statutes as follows:

In statutes 6, by substituting for the figures “100”, “175” and “250” the figures “250”, “300” and “350” respectively.

May ALLAH, to whom be Praised whose name be exalted, the King of Kings, vouchsafe His grace and may the Prophet Muhammad (on whom be the benediction and peace of ALLAH) grant his blessing to these Statutes forever and ever.

AMEN: O God of the Universe.

Given at Our Court at Istana Badariah, Kuala Terengganu this 30 Rabiulawal, one thousand four hundred and twenty five (1425) corresponding to 20 May, two thousands and four (2004).

[S.T.(S) 1/5/4 Bhg. 1; SUK.Tr. 150/6 Bhg. 2; PUN.Tr.(S) 22/18]

By His Royal Highness's Command,

TENGKU BENTARA RAJA
Secretary
Jumaah Pangkuan Negeri
Terengganu

No. 502.

کراجان نگری ترغکانو دارالایمان

سورة تولیہ

اوندغ ۲ باکی دیری کراجان ترغکانو
 (باب یغفرنام)

فلاتیق منtri بسر
 دباوه (فصل 10)

سلطان میزان زین العابدین
 سلطان ترغکانو



الواشق بالله بيت السلطان میزان زین العابدين، درجه اوتام قراۃ ترغکانو یقامت مليا (D.K.T.)، درجه قراۃ دراج ترغکانو یقامت مليا (D.K.R.)، درجه اوتام سری مهکوتا نگارا (D.M.N.)، درجه سری سنتیا سلطان میزان زین العابدين ترغکانو یقامت ترقیلیہ (S.S.M.Z.)، درجه سری سنتیا سلطان محمود ترغکانو یقامت ترقیوجی (S.S.M.T.)، درجه سری چادوک مهکوتا ترغکانو یقامت دحرماتی (S.P.M.T.)، درجه قراۃ پکندا سید فرا فرلیس (D.K. (Perlis))، درجه قراۃ جوھور (D.K.M.B. (Brunei))، درجه قراۃ مهکوتا برونی (D.K. (Johor))

درجة قرابة يغامت دحمراتي فيرق (D.K. (Perak))، درجة قرابة نكري سمبيلن يغامت دحمراتي (D.K. (Negeri Sembilan))، درجة قرابة يغامت دحمراتي قدح (D.K. (Kedah))، درجة قرابة يغامت دحمراتي كلنتن (D.K. (Kelantan))، درجة قرابة سلاغور يغامت دحمراتي (D.K. (Selangor))، درجة سري فادوك مهكونا جوهور (S.P.M.J.)، ابن المرحوم سلطان محمود المكتفي بالله شاه، سلطان دان يغدقتوان باكي نكري ترغكانو دارالإيمان سرتا سكالا ججاهن تعلقون.

كفل داتو، حاج ادريس بن جوسه يغ بيت هارف، فرجاي دان كاسيهي دغун سلامه كسجهرأنى.

بهاوا سن منوروة شرط دان كهندق فصل 10 اوندغ 2 باكي ديري كراجان ترغكانو (باب يغفرتام) مك تله دتفقكن بهاوا فلاتيقن متري بسر باكي نكري ترغكانو دارالإيمان هندقله دغун سورة توليه يغدقندا أغنى دان دمترى أوليه بيت دغون موهر كراجان:


مك كتهويله بهاوا بيت دغون ابن ملا تيق داتو، حاج ادريس بن جوسه منجادى متري بسر باكي نكري ترغكانو دارالإيمان مولاي درقد تاريخ يغرسبوت دباوه ابن دغون مصقوباءي حق 2 دان كواس 2 يغبر سغكوة دان بركا، يتمن دغون جواتن ايت منوروت اوندغ 2 دسلوروه نكري ترغكانو دارالإيمان.

دان بيت دغون ابن منتهيكن بهاوا سكلين فگاوي 2 دان رعيت بيت يغد كاسيهى دالم نكري ترغكانو دارالإيمان ماهو فون برامي 2 دان برساورغن دان جوامان 2 اورغ لاين يغبر كناهان مغمبييل فرايقاتن دان طاعنة اكن تيته اين.

ترمكوب داستان بدريه، كوالا ترغكانو قد 1 هاريولن صفر سريو امفت راتوس دوا فولوه لميم هجره النبي صل الله عليه وسلم، برسمان دغون 22 هاريولن مرج دوا ريو امفت مسيحي.

GOVERNMENT OF THE STATE OF TERENGGANU DARUL IMAN

INSTRUMENT APPOINTING

THE LAWS OF THE CONSTITUTION OF TERENGGANU
(FIRST PART)APPOINTMENT OF MENTERI BESAR
UNDER (ARTICLE X)

SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN
Sultan of Terengganu

FROM US BY THE GRACE OF GOD, AL-WATHIQU BILLAH AL-SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN, Darjah Utama Kerabat Terengganu Yang Amat Mulia (D.K.T.), Darjah Kerabat Diraja Terengganu Yang Amat Mulia (D.K.R.), Darjah Utama Seri Mahkota Negara (D.M.N.), Darjah Seri Setia Sultan Mizan Zainal Abidin Terengganu Yang Amat Terpilih (S.S.M.Z.), Darjah Seri Setia Sultan Mahmud Terengganu Yang Amat Terpuji (S.S.M.T.), Darjah Seri Paduka Mahkota Terengganu Yang Amat Dihormati (S.P.M.T.), Darjah Kerabat Baginda Syed Putra Perlis (D.K. (Perlis)), Darjah Kerabat Johor Yang Amat Dihormati (D.K. (Johor)), Darjah Kerabat Mahkota Brunei (D.K.M.B. (Brunei)), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Perak (D.K. (Perak)), Darjah Kerabat Negeri Sembilan Yang Amat Dihormati (D.K. (Negeri Sembilan)), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Kedah (D.K. (Kedah)), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Kelantan (D.K. (Kelantan)), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Selangor (D.K. (Selangor)), Darjah Seri Paduka Mahkota Johor (S.P.M.J.), IBNI AL-MARHUM SULTAN MAHMUD AL-MUKTAFI BILLAH SHAH, Sultan and Sovereign Ruler of the State and Territory of Terengganu Darul Iman and all its Dependencies.

To Our Trusty and well-beloved Dato' Haji Idris bin Jusoh Greeting.

WHEREAS by the provisions of Article X of the Laws of the Constitution of Terengganu (First Part), it is provided that the appointment of a Menteri Besar of Terengganu shall be made by Instrument under Our Sign Manual and the State Seal.

NOW BE IT KNOWN THAT WE HEREBY APPOINT Dato' Haji Idris bin Jusoh to be MENTERI BESAR in the State of Terengganu with effect from the date mentioned hereunder with all rights and powers belonging and pertaining to the said office under the Laws throughout the State of Terengganu.

AND WE do hereby command that all and singular Our Officers and beloved subjects in the State of Terengganu and all others whom it may concern to take due notice hereof.

Given at Istana Badariah, Kuala Terengganu this 1 Safar, of the Annum of Hijrah of the prophet (on whom be benediction and peace of God) one thousand four hundred and twenty five corresponding to 22 March two thousand four for the Annum Domini.

No. 503.

**UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN TERENGGANU
(BAB YANG PERTAMA)**

PERLANTIKAN MENTERI BESAR DI BAWAH FASAL 10

Menurut peruntukan Fasal 10 Syarat (1) Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Pertama), Duli Yang Maha Mulia Sultan, dengan limpah kurnia Baginda, telah berkenan melantik dengan Surat Tauliah di bawah tandatangan Baginda dan Mohor Negeri, Dato' Haji Idris bin Jusoh, menjadi Menteri Besar Negeri Terengganu, mulai 22 Mac 2004.

Dan menurut Fasal 14 Syarat (2)(a) Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Pertama), Duli Yang Maha Mulia Sultan, telah berkenan melantik Dato' Haji Idris bin Jusoh mempengerusikan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Terengganu.

[MB.Tr.(S) 4/1964; S.T.(S) 22/10;
PUN.Tr. 30 Bhg. 3]

HAJI AZMI BIN MOKTAR
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Terengganu

اوندغ ۲ باڭى دىرىي كراجاڭن ترۇڭكانو
(باب يغۇرتام)

فلانتيقن مىتىي يسىر دىباوه فصل 10

منوروت ئارادىتىقىن فصل 10 شرط (1) اوندغ ۲ باڭى دىرىي كراجاڭن ترۇڭكانو (باب يغۇرتام) دولىي يغۇمها مليا سلطان، دەنلىيمقە كورنىيا بىگىندا، تله بىركىن ملانتيق دەن سورة تولىي دىباوه تىداتاڭن بىگىندا دان موھور نىڭرىي، داتو، حاج ادریس بن جوسه، منجادىي مىتىي يسىر نىڭرىي ترۇڭكانو، مولايى 22 مرج 2004.

دان منوروت فصل 14 شرط (1)(2) اوندغ ۲ باڭى دىرىي كراجاڭن ترۇڭكانو (باب يغۇرتام)، دولىي يغۇمها مليا سلطان تله بىركىن ملانتيق داتو، حاج ادریس بن جوسه مەقۇرۇسىكىن مجلسىش مشوارت كراجاڭن نىڭرىي ترۇڭكانو.

[MB.Tr.(S) 4/1964; S.T.(S) 22/10; PUN.Tr. 30 Bhg. 3]

حاج عزمىي بن موڭىر
ستىاءوسها
مجلسىش مشوارت كراجاڭن نىڭرىي
ترۇڭكانو

**LAWS OF THE CONSTITUTION OF TERENGGANU
(FIRST PART)**

APPOINTMENT OF MENTERI BESAR UNDER ARTICLE X

In accordance with the provisions of Article X of Clause (1) of the Laws of the Constitution of Terengganu (First Part), His Royal Highness the Sultan has been graciously pleased to appoint by Instrument under His Sign Manual and State Seal, Dato' Haji Idris bin Jusoh, to be the Menteri Besar of Terengganu, with effect from 22 March 2004.

And by virtue of Article XIV of Clause (2)(a) of the Laws of the Constitution of Terengganu (First Part), His Royal Highness the Sultan has been pleased to appoint Dato' Haji Idris bin Jusoh to preside over the State Executive Council of Terengganu.

[MB.Tr. (S) 4/1964; S.T.(S) 22/10;
PUN.Tr. 30 Bhg. 3]

HAJI AZMI BIN MOKTAR
*Clerk of Council
Terengganu*

No. 504.

**UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN TERENGGANU
(BAB YANG PERTAMA)**

**PERLANTIKAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI
DI BAWAH FASAL 14**

Menurut peruntukan Fasal 14 Syarat (2)(b) Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Pertama), Duli Yang Maha Mulia Sultan, atas nasihat Menteri Besar dan dengan Limpah Kurnia Baginda, telah berkenan melantik mereka yang tersebut di bawah ini menjadi ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri mulai 25 Mac 2004:

1. Yang Berhormat Dato' Dr. Abdul Latiff bin Awang.
2. Yang Berhormat Encik Rosol bin Wahid.
3. Yang Berhormat Encik Ahmad bin Said.
4. Yang Berhormat Dato' Haji Mohamed bin Awang Tera.
5. Yang Berhormat Encik Din bin Adam.
6. Yang Berhormat Encik Wan Hisham bin Wan Salleh.
7. Yang Berhormat Haji Mohd. Jidin bin Shafee.
8. Yang Berhormat Datuk Abdul Rahim bin Mohd. Said.
9. Yang Berhormat Haji Wan Mohd. bin Wan Hassan.
10. Yang Berhormat Encik Toh Chin Yaw.

[MB.Tr.(S) 4/1964; S.T.(S) 22/10;
PUN.Tr. 30 Bhg. 3]

HAJI AZMI BIN MOKTAR
*Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Terengganu*

اوندغ ۲ پانگي ديري کراجاءن ترغکانو
(باب یغفرنام)

فلاتيقن اهلي ۲ مجلس مشوارت کراجاءن نگري
دباهه فصل 14

منوروت ڤراوتوقکن فصل 14 شرط (ب)(2) اوندغ ۲ پانگي ديري کراجاءن ترغکانو (باب یغفرنام)، دولي یغمها مليا سلطان، اتس نصيحة مترى بسر دان دغۇن لىمۇھە كورنيا بىكىندا، تله بركىن ملاتيق مرىشك يېڭى ترسپوت دباوه اين منجادى اهلى ۲ مجلس مشوارت کراجاءن نگري مولاي 25 مرج 2004:

1. يغىرحرمة داتوء دقتور عبدالطيف بن اواغ.
2. يغىرحرمة آنجىء راسول بن واحيد.
3. يغىرحرمة آنجىء احمد بن ساعيد.
4. يغىرحرمة داتوء حاج محمد بن اواغ ترا.
5. يغىرحرمة آنجىء دين بن ادم.
6. يغىرحرمة آنجىء وان حىشم بن وان صالح.
7. يغىرحرمة حاج محمد جيدىن بن شافعى.
8. يغىرحرمة داتوك عبدالرحيم بن محمد ساعيد.
9. يغىرحرمة حاج وان محمد بن وان حسن.
10. يغىرحرمة آنجىء توه چىن ياو.

[MB.Tr.(S) 4/1964; S.T.(S) 22/10; PUN.Tr. 30 Bhg. 3.]

حاج عزمى بن موكتى
ستيابوسها
مجلس مشوارت کراجاءن نگري
ترغکانو

**LAWS OF THE CONSTITUTION OF TERENGGANU
(FIRST PART)**

**APPOINTMENT OF MEMBERS OF THE STATE EXECUTIVE COUNCIL
UNDER ARTICLE XIV**

In accordance with the provisions of Article XIV of Clause (2)(b) of the Laws of the Constitution of Terengganu (First Part), His Royal Highness the Sultan, on the advice of the Menteri Besar, has been graciously pleased to appoint the following persons to be members of the State Executive Council with effect from 25 March 2004:

1. Yang Berhormat Dato' Dr. Abdul Latiff bin Awang.
2. Yang Berhormat Encik Rosol bin Wahid.
3. Yang Berhormat Encik Ahmad bin Said.
4. Yang Berhormat Dato' Haji Mohamed bin Awang Tera.
5. Yang Berhormat Encik Din bin Adam.
6. Yang Berhormat Encik Wan Hisham bin Wan Salleh.
7. Yang Berhormat Haji Mohd. Jidin bin Shafee.
8. Yang Berhormat Datuk Abdul Rahim bin Mohd. Said.
9. Yang Berhormat Haji Wan Mohd. bin Wan Hassan.
10. Yang Berhormat Encik Toh Chin Yaw.

[MB.Tr.(S) 4/1964; S.T.(S) 22/10;
PUN.Tr. 30 Bhg. 3]

HAJI AZMI BIN MOKTAR
Clerk of Council
Terengganu

**ARAHAN PERBENDAHARAAN
TREASURY INSTRUCTIONS**

No. 505.

**PERLANTIKAN AHLI-AHLI LEMBAGA TENDER NEGERI TERENGGANU
APPOINTMENT OF MEMBERS OF STATE PROCUREMENT BOARD TERENGGANU**

Menurut arahan 192 Arahuan Perbendaharaan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Terengganu telah melantik pegawai-pegawai yang berikut menjadi ahli Lembaga Perolehan Negeri Terengganu mulai 12 Mei 2004:

1. Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu sebagai Pengerusi.
2. Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri.
3. Yang Berhormat Wan Hisham bin Wan Salleh.
4. Pengarah Kerja Raya Negeri Terengganu atau wakilnya.
5. Pengarah Pengairan dan Saliran Negeri atau wakilnya.

Warta Kerajaan Terengganu No. 51 bertarikh 3 Februari 2000 adalah dengan ini dibatalkan.

In pursuance of instruction 192 of the Treasury Instructions, the Honourable the Menteri Besar, Terengganu has appointed the following officers to constitute members of the Procument Boards for the state of Terengganu with effect from the 12 May 2004:

1. The Honourable the State Secretary of Terengganu as Chairman.
2. The Honourable the State Financial Officer.
3. The Honourable Wan Hisham bin Wan Salleh.
4. The Director of State Public Works or his representative.
5. The Director of State Drainage and Irrigation or his representative.

Terengganu Government *Gazette* No. 51 dated the 3 February 2000 is hereby revoked.

Bertarikh 1 Jun 2004

DATO' MUHATAR BIN ABDULLAH

Dated 1 June 2004

Setiausaha Kerajaan

[MB.Tr.(S) 4/1964; S.T.(S) 22/10;

Terengganu/

PUN.Tr. 30 Bhg. 3]

State Secretary

Terengganu

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 Tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE

(Act 56 of 1965)

No. 506.

(Seksyen 168)

NOTIS-NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Akuuan diikrarkan hilang oleh Mamat bin Ismail K/P. 291213-11-5067 yang beralamat di No. 80, Kampung Kubang Palas, 21210 Kuala Terengganu.

JADUAL

Mukim—Kuala Telemong, No. Lot—578. Jenis dan No. Hakmilik—K.R.M. 456 (G.M. 2207). Luas—1.2493 hektar.

Bertarikh 9 September 2003
[PTHT. 06/55/2003/A/004]

MOHD. RAZIF BIN ABDUL MAJID
b.p. Pentadbir Tanah
Hulu Terengganu

No. 507.

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Akuan diikrarkan hilang oleh Sapiah binti Jusoh K/P. 450822-11-5148 yang beralamat di No. 72, Kampung Kuala Ping, 21700 Kuala Berang.

JADUAL

Mukim—Hulu Telemong. No. Lot—683. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 4224. Luas—0.0708 hektar.

Bertarikh 1 Jun 2004
[PTHT. 02/55/2004/A/005]

MOHD. RAZIF BIN ABDUL MAJID
b.p. Pentadbir Tanah
Hulu Terengganu

No. 508.

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu permohonan yang dibuat oleh Nurul Amin Khan bin Adar Khan @ Awang K/P. 711220-11-5151 yang beralamat di No. 101, Bukit Payong, 21400 Marang, Terengganu kerana menggantikan keterangan asal yang hilang sebagaimana Jadual berikut.

JADUAL

Mukim—Pulau Kerengga. No. Lot—1421. Jenis dan No. Hakmilik—K.R.M. 864. Luas—6,070 meter persegi.

Bertarikh 8 Jun 2004
[PTM. 05/55/2004/0005]

ROSLI BIN LATIF
b.p. Pentadbir Tanah
Marang

No. 509.

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu permohonan yang dibuat oleh Mohd. Alzuka bin Ali K/P. 740228-11-5271 yang beralamat di Kampung Gong Kassim, Mercang, Marang, Terengganu kerana menggantikan keterangan asal yang hilang sebagaimana Jadual berikut.

JADUAL

Mukim—Mercang. No. Lot—3249. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 1531. Luas—3,433 meter persegi.

Bertarikh 8 Jun 2004
[PTM. 04/55/2004/0004]

ROSLI BIN LATIF
b.p. Pentadbir Tanah
Marang

No. 510.

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu permohonan yang dibuat oleh Mohamad bin Omar K/P. 550504-11-5159 yang beralamat di Kampung Darat Kubur, Kampung Nyiur, 23100 Paka, Dungun kerana menggantikan hakmilik asal yang telah diikrarkan hilang.

JADUAL

Bandar/Pekan/Mukim—Kuala Paka. No. Lot/Petak/P.T.—824. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 987. Luas—1.1784 hektar.

Bertarikh 3 Jun 2004
[PTD. 07/55/2004/B003(5)]

WAN KHALID BIN WAN JUSOH
b.p. Pentadbir Tanah
Dungun

No. 511.

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu permohonan yang dibuat oleh Mohd. Aluai @ Mohd. Aluwi bin Daud K/P. 611230-11-5085 yang beralamat di No. 18, Kampung Batu 4, Binjai, Kemaman telah membuat permohonan bahawa hakmilik telah hilang.

JADUAL

Mukim—Cukai. No. Lot—1170. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 5704. Luas—0.1263 hektar.

Bertarikh 27 Mei 2004
[PTK. 00/55/2004/B/0001/(27A)]

Pentadbir Tanah
Kemaman

No. 512.

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu permohonan yang dibuat oleh Yaakub bin Mat Amin K/P. 431111-03-5375 yang beralamat di Kampung Payoh, Air Jernih, 24210 Kemasik, Kemaman telah membuat permohonan bahawa hakmilik telah hilang.

JADUAL

Mukim—Kijal. No. Lot—1542 dan 3123. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 1016 dan G.M. 1104. Luas—2.0485 hektar dan 0.5373 hektar.

Bertarikh 27 Mei 2004
[PTK. 00/55/2004/B/0001/(28A)]

Pentadbir Tanah
Kemaman

No. 513.

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168B, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Permohonan daripada Roslan bin Mat Hassan K/P. 691224-03-5137 yang beralamat di No. 925, Kampung Saujana, 22100 Setiu, Terengganu untuk mendapatkan satu (1) keterangan hakmilik sambungan kepada hakmilik keluaran sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual di bawah yang telah diikrarkan hilang.

JADUAL

Bandar/Pekan/Mukim—Pantai. No. Lot/Petak/P.T.—1358. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 98. Luas—0.3907 hektar.

Bertarikh 30 Mei 2004
[PTS. 00/55/2004/B/001-(39)]

*Pentadbir Tanah
Setiu*

No. 514.

(Seksyen 187B)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN DOKUMEN
HAKMILIK KELUARAN SEMENTARA YANG BARU

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 187B, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran sementara bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Permohonan daripada Rohani binti Ali K/P. 600620-11-5458 – 1/3 bhg., Hasliza binti Ali K/P. 700718-03-5382 – 1/3 bhg. dan Haslini binti Ali K/P. 720501-03-5144 – 1/3 bhg. yang beralamat di Kampung Gong Kassim, Merchang, 21610 Marang, Terengganu untuk mendapatkan hakmilik sambungan kepada hakmilik keluaran sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual di bawah yang telah diikrarkan hilang.

JADUAL

Bandar/Pekan/Mukim—Pantai. No. P.T.—1005. Perihal dan No. Hakmilik—H.S.(M) 775. Luas—0.4 hektar.

Bertarikh 30 Mei 2004
[PTS. 00/55/2004/B/001-(39)]

*Pentadbir Tanah,
Setiu*

No. 515.

SAMAN

(Seksyen 261)

Di Pejabat Tanah, Kemaman dalam Negeri Terengganu.

DI ANTARA

Maybank Finance Berhad, Pemegang Gadaian.

DAN

Wahid bin Jusoh K/P. 4633647, Penggadai.

Kepada Wahid bin Jusoh yang beralamat di No. Lot 7383, Taman Sangsura, Batu 2½, Jalan Air Putih, 24000 Kemaman.

AMBIL PERHATIAN BAHAWASANYA pemegang gadaian ke atas tanah yang tersebut di dalam Jadual di bawah ini telah membuat permohonan kepada Pentadbir Tanah, Kemaman di bawah seksyen 260 (2) Kanun Tanah Negara 1965 supaya **PERINTAH JUALAN** dikeluarkan ke atas tanah tersebut.

SILA AMBIL PERHATIAN bahawa siasatan berhubung dengan permohonan pemegang gadaian tersebut akan diadakan pada hari Rabu, 7 Julai 2004 pukul 9.45 pagi di Pejabat Tanah, Kemaman. Tuan/puan adalah dikehendaki hadir.

DAN SILA AMBIL PERHATIAN bahawa kegagalan tuan/puan menghadiri siasatan tersebut akan mengakibatkan permohonan **PERINTAH JUALAN DIKELUARKAN** ke atas tanah tersebut di bawah seksyen 263 Kanun Tanah Negara 1965.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Pekan—Cukai. No. Lot—7383. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 3598. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 1053/1991; Folio 20; Jilid 4.

Bertarikh 3 Jun 2004

[PTK. 04/53/2004/0018(7)]

WAN MOHD. FAIZUL BIN WAN ABAS

*b.p. Pentadbir Tanah**Kemaman***No. 516.**

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Adnan bin Abdullah, Pentadbir Tanah Hulu Terengganu pada menjalankan kuasa yang diberi di bawah seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara dengan ini membuat perintah supaya dijual secara lelong tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut sebagaimana Jadual.

Dan selanjutnya saya membuat perintah—

- (a) Bahawa jualan ini hendaklah dengan secara jualan lelongan awam yang akan diadakan pada 30 Ogos 2004 di Pejabat Tanah, Hulu Terengganu jam 10.00 pagi.
- (b) Harga rizab bagi maksud jualan ini ialah RM21,000.00.

2. Saya dapati amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM211,421.05. Nama pemegang gadaian ialah Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB).

3. Jualan lelong ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti di bawah:

- (a) Bakal penyambut lelong hendaklah mendeposit di Pejabat Tanah Hulu Terengganu dalam bentuk Bank Draf atau Cashier Order di atas nama pemegang gadaian bersamaan 10% daripada harga rizab yang dinyatakan di para 1 (b), di atas iaitu sebanyak RM2,100.00 – Lot P.T. 6438 H.S.(M) 4416 dan tidak lewat daripada 15 minit sebelum lelongan.
- (b) Bayaran penuh jualan lelong boleh dibayar serta-merta selepas jatuhnya ketukan tukul menentukan penyambut lelong yang berjaya.
- (c) Di mana penyambut lelong tidak dapat membayar sepenuhnya selepas jatuhnya ketukan tukul menentukan penyambut berjaya maka–
 - (i) Jumlah bayaran yang diterima di para 3 (a) akan dibayar kepada pemegang gadaian dan disimpan sebagai deposit hingga bayaran penuh pembelian itu dibayar.
 - (ii) Sementara menunggu penyelesaian baki harga belian, bayaran yang telah dibayar di para (i) di atas, akan dikreditkan ke dalam akaun penggadai bagi mengurangkan bayaran hutang yang patut dibayar oleh penggadai kepada pemegang gadaian.
- (d) Baki harga lelongan hendaklah dibayar penuh tidak lebih daripada 120 hari dari tarikh jualan itu, iaitu tidak lewat dari 28 Disember 2004 dan tiada masa lanjutan dibenarkan.
- (e) Di mana bayaran penuh tidak dijelaskan pada tarikh yang dinyatakan di para (d), wang dibayar sebagai bayaran deposit di para (c) kepada pemegang gadaian akan dirampas dan diagihkan mengikut tatacara seksyen 267 Kanun Tanah Negara.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Kuala Berang. No. Lot/Petak/P.T.—6438. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 4416. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 930/97; Folio 21; Jilid 2.

Bertarikh 25 Mei 2004
[PTHT. 05/53/2003/0003]

ADNAN BIN ABDULLAH
b.p. Pentadbir Tanah
Hulu Terengganu

No. 517.

(Section 257 and 263)

ORDER FOR SALE AT INSTANCE OF THE CHARGEES

I, Wan Khalid bin Wan Jusoh, Land Administrator in exercise of the powers conferred by section 257/263 of the National Land Code, hereby order the sale of the land share in the land described in the Schedule below;

And I further order—

- (a) that the sale shall be by public auction, to be held on the 17 August 2004 at 10.00 forenoon in Sudut Lelongan Awam, Pejabat Tanah Dungun; and
 - (b) that the reserve price for the purpose of the sale shall be RM20,000.00 (Ringgit Malaysia: Twenty thousand only).
2. I find that the amount due to the chargee at this date is RM20,276.63. Name of Chargee is Affin Bank Berhad.
3. The sale shall be subject to the following conditions:
- (a) the bidder possesses, the sum equivalent to ten per centum of the reserve price specified under paragraph 1 (b) above:
RM2,000.00 (Ringgit Malaysia: Two thousand only).
 - (b) the full amount of the purchase price may be paid immediately after the fall of the hammer by the successful bidder to the chargee;
 - (c) where the full amount of the purchase price is not paid after the fall of the hammer by the successful bidder—
 - (i) then the sum specified in paragraph (a) shall be paid to the chargee and it shall be retained as a deposit until the full purchase price has been paid; and
 - (ii) pending the settlement of the balance of the purchase price, the sum specified in sub-paragraph (i) shall be credited into the account of the chargor for the purpose of reducing the amount due to the chargee.
 - (d) the balance of the purchase price shall be settled within a date not later than one hundred and twenty days from the date of the sale, that is, not later than the 14 December 2004 and there shall be no extension of the period so specified; and
 - (e) where the full purchase price is not settled on or by the date specified in paragraph (d), the sum paid as deposit under paragraph (c) to the chargee shall be forfeited and disposed of in the manner specified under section 267.

SCHEDULE OF LAND AND INTEREST

Town/Village/Mukim—Kuala Paka. Lot No.—7488. Description and No. of Title—G.M. 4947. Share of Land (if any)—All shares. Registered No. of Charge (if any)—No. Perserahan 354/2000.

Dated 20 May 2004

[PTD. 07/53/2003/28(27)]

WAN KHALID BIN WAN JUSOH

Land Administrator

Dungun

No. 518.**PERISYTIHARAN JUALAN****PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN**

Kali Pertama.

Dalam perkara seksyen 263, Kanun Tanah Negara 1965.

Di antara

Bank Islam Malaysia Berhad, Pemegang Gadaian.

Dan

Dollah @ Abdullah bin Mat K/P. 1711852 (480923-11-5002), Penggadai.

Menurut perintah Pentadbir Tanah, Hulu Terengganu yang diperbuat pada 29 Mei 2003 adalah dengan ini diisyiharkan bahawa Pentadbir Tanah, Hulu Terengganu.

Akan menjual secara lelongan awam pada 30 Ogos 2004 jam 10.00 pagi di Pejabat Tanah, Hulu Terengganu.

Nota: Bakal-bakal pembeli adalah dinasihatkan agar membuat pencarian geran secara rasmi di Pejabat Tanah dan memeriksa harta tanah tersebut.

Butir-butir Hakmilik:

No. Hakmilik	:	H.S.(M) 4416.
No. Lot	:	P.T. 6438.
Cukai Tahunan	:	RM10.00.
Keluasan Tanah	:	497 meter persegi.
Mukim	:	Kuala Berang.
Tempat	:	Bajar.
Taraf Pegangan	:	Kekal/Selama-lamanya.
Kawasan Rizab	:	Tanah Orang Melayu.
Kategori Kegunaan Tanah	:	Bangunan.
Pemilik Berdaftar	:	Dollah @ Abdullah bin Mat K/P. 1711852.

Syarat Nyata:

Getah.

Syarat Khas:

Tanah yang diberimilik ini hendaklah digunakan semata-mata bagi tapak sebuah rumah kediaman sahaja.

Sekatan Kepentingan:

Tiada.

Bebanan:

No. Perserahan 930/97; Folio 21; Jilid 2.

Lokasi dan Perihal Hartanah:

Tanah tersebut terletak kira-kira 2 km ke Timur Laut Bandar Kuala Berang.

Harga Rizab:

RM21,000.00.

Bertarikh 25 Mei 2004

[PTHT. 05/53/2003/0003]

ADNAN BIN ABDULLAH

b.p. Pentadbir Tanah

Hulu Terengganu

No. 519.

(Kali Kedua).

Dalam perkara seksyen 263, Kanun Tanah Negara 1965, Perintah Pentadbir ke atas tanah tersebut dalam gadaian No. Perserahan 1795/93; Folio 36; Jilid 8.

Di antara

Tenaga Nasional Berhad, Pemegang Gadaian.

Dan

Mohd. Anizam bin Daud K/P. 6326614, Penggadai.

Dalam menjalankan perintah jual oleh Pentadbir Tanah yang diperbuat dalam perkara tersebut adalah dengan ini diisyitiharkan bahawa Pentadbir Tanah Besut, Terengganu.

Akan menjual secara lelongan awam pada hari Isnin 12 Julai 2004 jam 10.10 pagi di Kawasan Pejabat Tanah Besut, Terengganu.

1. Lokasi

Hartanah tersebut terletak di dalam kawasan perumahan yang dikenali sebagai Taman Saujana yang terletak di dalam Mukim Pelagat, Daerah Besut yang terletak kira-kira 500 meter dari jalan utama Jerteh/Pasir Putih di kilometer 2.5. Kawasan ini terletak kira-kira 4.5 km ke barat Pekan, Jerteh.

Hartanah tersebut boleh dihubungi dari jalan utama di kilometer 4 jalan utama Jerteh/Pasir Putih melalui jalan tar yang menghala ke Taman Saujana sejauh kira-kira 500 meter. Hartanah tersebut berhadapan dengan jalan tersebut.

2. Keterangan Harta

Tanah yang dinilaikan ini adalah sebidang tanah lot tapak rumah yang berbentuk segiempat. Ianya merangkumi keluasan seluas 133 meter persegi (1.431 kaki persegi).

Keadaan fizikal permukaan tanah tersebut adalah rata dan separas dengan tanah di sekitarnya dan juga separas dengan jalan di hadapannya.

Semasa lawat periksa didapati lot tersebut telah dibangunkan rumah teres settingkat yang beralamat pos di No. 1029, Taman Saujana, Jerteh, 22000 Besut, Terengganu.

Sempadan hadapan tanah ini diperenggangan dengan pagar konkrit dan sepasang pintu pagar besi.

3. Persekutaran

Persekutaran harta tersebut juga dibangunkan dengan rumah-rumah teres setingkat dan juga rumah-rumah individu.

Terdapat juga tanah-tanah di sekitar ini yang telah dibangunkan dan dipecah sempadannya kepada lot-lot tapak rumah yang kemudian didirikan rumah-rumah setingkat dan juga dua tingkat yang dibina berdasarkan reka bentuk semasa.

Terletak lebih kurang 500 meter daripada harta tersebut ialah Sekolah Menengah Pelagat, stesen pam minyak, pusat sivik dan sebuah masjid. Lain-lain pembangunan yang boleh dilihat di sekitar ini ialah Sekolah Kebangsaan Padang Luas, rumah-rumah kedai sementara, rumah-rumah kediaman dan sebagainya. Kemudahan-kemudahan awam boleh didapati di Pekan Jerteh yang terletak kira-kira 4.5 km daripada harta yang dimaksudkan.

Arah pembangunan semasa di kawasan ini lebih tertumpu kepada kegunaan kediaman.

4. Keterangan Hakmilik:

No. Keterangan	:	G.M. 1722.
No. Lot	:	3924.
Mukim	:	Pelagat.
Luas	:	133 meter persegi.
Hasil Tahunan	:	RM10.00.
Tuan Tanah	:	Mohd. Anizam bin Daud.
Jenis Penggunaan Tanah	:	Bangunan.
Bebanan	:	Gadai kepada Tenaga Nasional Berhad.

Syarat Nyata:

- (i) Tanah yang diberimilik ini hendaklah digunakan semata-mata bagi tapak sebuah rumah kediaman sahaja.
- (ii) Dalam masa 2 tahun daripada tarikh kelulusan penukaran syarat tanah ini atau di dalam satu masa lanjutan yang diluluskan oleh Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu hendaklah didirikan sebuah bangunan rumah tempat kediaman mengikut pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan Besut.

Sekatan Kepentingan:

Tiada.

5. Harga Rizab:

Harga rizab yang akan dijual tertakluk kepada syarat-syarat jualan dan juga tertakluk kepada harga rizab iaitu RM55,800.00. Mereka yang membuat tawaran berjaya hendaklah membuat bayaran pendahuluan sebanyak 10% kepada Pemegang Gadai (TNB) dan bakinya mestilah dijelaskan dalam masa 120 hari.

6. Syarat-syarat Jual Lelong:

- (a) Harga rizab bagi maksud jualan ialah RM55,800.00 (Ringgit Malaysia: Lima puluh lima ribu lapan ratus sahaja).
- (b) Penawar memiliki jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab RM5,580.00 (Ringgit Malaysia: Lima ribu lima ratus lapan puluh sahaja).
- (c) Amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian (TNB).
- (d) Di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya:
 - (i) Maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (b) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
 - (ii) Sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian.
- (e) Baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari daripada tarikh jualan, iaitu tidak lewat dari tarikh 8 November 2004 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan, masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
- (f) Di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (e) jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (d) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucutkan dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267.
- (g) Orang yang membuat tawaran paling tinggi daripada harga tawaran atau lebih akan diisyiharkan sebagai pembeli berjaya dalam jual lelong.
- (h) Apa-apa bayaran cukai tanah, bayaran taksiran dan semua perbelanjaan yang kena dibayar bagi membuat atau melaksanakan perintah jualan ini hendaklah dibayar dengan harga pembelian. Segala bayaran lain berhubung dengan pendaftaran perakuan jual hendaklah ditanggung oleh pembeli.
- (i) Sebelum perlelongan ini dijalankan atau muktamad, tuan tanah bolehlah membuat bayaran pada bila-bila masa bagi menjelaskan bayaran yang mungkir dalam surat gadaian itu dan perlelongan ini dibatalkan.
- (j) Lelong ini tidak boleh disambut oleh warganegara asing atau bukan warganegara Malaysia.

7. Saya dapati wang yang perlu dibayar kepada pemegang gadaian ialah RM68,998.27.

No. 520.

Kali Ketiga.

Dalam perkara seksyen 263, Kanun Tanah Negara 1965.

Di antara

Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS), Pemegang Gadaian.

Dan

Norazidi bin Mat Nor K/P. 700801-11-5025, Penggadai.

Dalam menjalankan perintah Pentadbir Tanah Dungun, Terengganu yang diperbuat dalam perkara yang tersebut di atas bertarikh 29 April 2004 adalah dengan ini diisyiharkan bahawa Pentadbir Tanah Dungun, Terengganu.

Akan menjual dengan lelongan awam pada hari Selasa 27 Julai 2004 jam 10.00 pagi di Sudut Lelongan Awam Pejabat Tanah Dungun, Terengganu.

Nota: Bakal pembeli berminat dinasihatkan membuat carian rasmi dan memeriksa harta tanah tersebut sebelum lelongan. Tertakluk kepada syarat lelong.

Keterangan Hartanah:

No. Hakmilik : GM. 3039.

No. Lot : 4562.

Mukim : Kuala Paka.

Tempoh Pegangan Milik : —

Keluasan Tanah : 247 meter persegi.

Sewa Tahunan : RM10.00.

Kategori Kegunaan Tanah : Bangunan.

Pemilik Berdaftar : Norazidi bin Mat Nor K/P. 700801-11-5025.

Syarat Nyata:

- (i) Tanah yang diberimilik ini hendaklah digunakan semata-mata bagi tapak sebuah rumah kediaman sahaja.
- (ii) Di dalam masa dua (2) tahun daripada tarikh kelulusan penukaran syarat tanah ini atau di dalam satu masa lanjutan yang diluluskan oleh Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu hendaklah didirikan sebuah bangunan rumah tempat kediaman mengikut pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan, Dungun.

Sekatan Kepentingan:

Tiada.

Bebanan:

Telah digadai kepada Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS) pada 19 Januari 1997 sebagaimana No. Perserahan 114/1997; Folio 33; Jilid 1.

Lokasi dan Keterangan Harta:

Terdapat sebuah rumah berkembar (A single storey semi-detached house) yang beralamat di No. 26, Taman Paka Delima, 23100 Paka.

Harga Rizab:

RM74,000.00.

Hutang tertunggak sehingga 23 September 2002 berjumlah RM97,179.04.

Bertarikh 2 Jun 2004
[PTD. 07/53/2002/0006(35)]

WAN KHALID BIN WAN JUSOH
b.p. Pentadbir Tanah
Dungun

KANUN TANAH NEGARA (PINDAAN) 1995

No. 521.

(Seksyen 28)

NOTIS PENANGGUHAN SIASATAN

Kepada Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS) yang beralamat di Jabatan Perkhidmatan Teknologi, Bahagian Undang-Undang dan Hal Ehwal Korporat, Aras 68, Tower 1, Petronas Twin Towers, Kuala Lumpur City Centre, 50088 Kuala Lumpur (Ruj.: 1-LSD-4-350-4-H28629), pemegang gadaian di dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah sebagaimana yang tersebut di dalamnya.

Kepada Said Abd. Wahab bin Said Husain K/P. 570110-11-5277 yang beralamat di No. 9, Taman Desa Ibai Permai, Kuala Ibai, 20400 Kuala Terengganu, penggadai di dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah sebagaimana yang tersebut di dalamnya.

Adalah dengan ini diberi notis bahawa siasatan bagi tanah tersebut yang telah ditetapkan pada hari Selasa 15 Jun 2004 jam 11.00 pagi ditangguhkan kepada:

Tarikh : 27 Julai 2004 (Selasa).

Jam : 11.30 pagi.

Tempat : Di Bilik Penolong Pentadbir Tanah 1,
Pejabat Tanah, Dungun.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Kuala Paka. No. Lot—6282. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 3771.
Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—
No. Perserahan 1944/1998.

Bertarikh 2 Jun 2004
[PTD. 07/53/2003/0022(9)]

WAN KHALID BIN WAN JUSOH
b.p. Pentadbir Tanah
Dungun

Hak Cipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN KUALA TERENGGANU
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA